

Proton e.MAS Terus Berkembang, Kini Menjadi Rangkaian Pengedar EV Terbesar di Malaysia

Proton e.MAS Mengukuhkan Kehadirannya dengan Pertumbuhan Rangkaian yang Berterusan di Seluruh Malaysia – Meliputi Wilayah Lembah Klang, Utara, Selatan dan Timur

Subang Jaya, 24 Oktober 2025 – Proton New Energy Technology Sdn Bhd (PRO-NET), pengedar rasmi Proton e.MAS, dengan bangganya mengumumkan peluasan rangkaian pengedarannya di seluruh negara kepada lebih daripada 50 cawangan, menjadikan Proton e.MAS sebagai rangkaian pengedar kenderaan elektrik (EV) terbesar di Malaysia.

Menjelang akhir Oktober 2025, sebanyak 45 pusat pengedaran Proton e.MAS dijangka beroperasi sepenuhnya, membolehkan lebih ramai rakyat Malaysia menikmati pengalaman pemilikan EV yang lancar dan mudah, daripada jualan dan pandu uji hinggalah ke kemudahan pengecasan serta sokongan selepas jualan yang terbaik.

Pengembangan Rangkaian MAS ini mencerminkan komitmen Proton e.MAS untuk membangunkan ekosistem EV yang kukuh dan inklusif, memastikan setiap rakyat Malaysia dapat menikmati mobiliti elektrik tanpa mengira di mana mereka berada.

“Sambutan terhadap Proton e.MAS amat menggalakkan. Dalam tempoh setahun, kami telah berkembang daripada tiada kepada rangkaian pengedar EV terbesar di Malaysia, dan ini hanyalah permulaan,” kata Zhang Qiang, Ketua Pegawai Eksekutif PRO-NET. “Matlamat kami mudah, untuk menjadikan mobiliti elektrik dapat diakses oleh semua orang. Sokongan yang kami terima daripada rakan kongsi, pengedar dan pelanggan membuktikan bahawa rakyat Malaysia sudah bersedia untuk perubahan ini.”

Pertumbuhan Berterusan Rangkaian Proton e.MAS di Seluruh Negara

Proton e.MAS terus memperluas rangkaian pengedarannya di seluruh Malaysia, sekali gus memperkukuh akses kepada pelanggan serta menyokong peningkatan permintaan terhadap kenderaan elektrik di seluruh negara. Menjelang akhir Oktober 2025, sebanyak 45 pusat pengedaran dijangka siap dan beroperasi sepenuhnya. Jumlah ini dijangka meningkat kepada lebih 50 pusat menjelang Disember 2025.

Selaras dengan strategi pengembangannya, Proton e.MAS sedang meninjau beberapa lokasi utama di kawasan strategik seluruh negara, termasuk:

- **Lembah Klang:** Bangsar (KL), Pandan Indah (KL), Bukit Jalil (KL), Batu Caves (Selangor), Kota Damansara (Selangor), Cyberjaya (Selangor), Kajang (Selangor)
- **Johor:** Skudai, Kluang, Johor Bahru
- **Penang:** Nibong Tebal, Batu Kawan

PRO-NET terus mencari rakan kongsi yang berdedikasi untuk menyertai rangkaian pengedar Proton e.MAS yang semakin berkembang pesat. Jika anda berminat untuk menjadi sebahagian daripada perjalanan kami menuju masa depan yang lestari, kami ingin mendengar daripada anda. Emelkan kepada kami affendyk@proton.com

Sambutan Hangat untuk Proton e.MAS 5, Tawaran Early Bird Kini di Penghujung

Sejak tempahan dibuka, Proton e.MAS 5 telah menerima lebih 4,000 tempahan, menandakan keyakinan tinggi pasaran terhadap kenderaan elektrik mampu milik pertama Malaysia.

Dengan jumlah tempahan yang terus meningkat, Proton e.MAS menyeru pelanggan untuk merebut peluang menikmati Pakej Early Bird eksklusif sebelum ia ditutup apabila mencapai 5,000 tempahan.

Tempah Proton e.MAS 5 Anda Hari Ini dengan Hanya RM99*

Rakyat Malaysia boleh mendaftar minat mereka dengan Proton e.MAS 5 melalui laman web rasmi Proton e.MAS atau membuat tempahan secara terus di mana-mana pengedar Proton e.MAS di seluruh negara.

Untuk membuat tempahan, hanya perlu membayar yuran tempahan sebanyak RM99 dan nikmati keistimewaan eksklusif awal berikut:

- Kad Proton e.MAS Touch 'n Go NFC edisi terhad yang telah dimuat nilai isian sebanyak RM100
- Rebate RM500 daripada yuran tempahan**

**Tertakluk kepada terma dan syarat*

*** Tawaran sah untuk 5,000 pelanggan terawal yang berjaya mendaftar Proton e.MAS 5 mereka*

Layari laman web Proton e.MAS dan ikuti saluran media sosial rasmi kami untuk mengetahui maklumat terkini mengenai Proton e.MAS 5: Facebook (Proton e.MAS Cars), Xiaohongshu (Proton e.MAS Cars), TikTok (@protonemasofficial), dan Instagram (@protonemasofficial) untuk maklumat lanjut.

#PROTONeMAS5 #MostAffordableEV #FreedomThatElectrifies #OwnYourSpace

-Tamat-

Mengenai Proton e.MAS

Proton e.MAS ialah jenama kenderaan elektrik nasional dan tenaga baharu terulung di Malaysia, merupakan sub-jenama di bawah PROTON dan diedarkan oleh PRO-NET. Memainkan peranan penting dalam memperkukuh penerimaan kenderaan elektrik serta membina ekosistem jenama, Proton e.MAS komited untuk menerajui peralihan ke arah mobiliti lestari dengan tekad terhadap inovasi dan kecemerlangan. Rangkaian pengedar yang semakin berkembang, perkhidmatan selepas jualan yang menyeluruh, serta ekosistem yang kukuh memastikan setiap pelanggan menikmati pengalaman yang lancar dan memuaskan. Selaras dengan misi syarikat induk kami, PROTON, kami beriltizam untuk MENGINSPIRASI HUBUNGAN dengan sentiasa menyampaikan Teknologi Inovatif, Kebolehpercayaan, dan piawaian antarabangsa. Proton e.MAS telah diperkenalkan pada 12 Jun 2024.

Proton e.MAS

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>

Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>

TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

Issued by:

PRO-NET

Salawati Mohd Yusoff

Chief Branding Officer

Telephone: +6012-219 4581

Email: salawati@proton.com

Christopher Ng

Manager, PR & Communications
Telephone: +6012-818 7597
Email: christopher@proton.com

Agus Mohd Nawiah
Senior Executive, PR & Communications
Telephone: +6017-232 6225
Email: agusmn@proton.com

For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:

Menuka Vejasegaran
H/Advisors Klareco
Telephone: +6014 345 2006
Email: menuka.vejasegaran@h-advisors.global